

# Pendidikan Alam Sekitar Melalui Pengajaran Peribahasa

Oleh:  
Dr. Yabit Alas  
Pengarah Pusat Bahasa  
Universiti Brunei Darussalam  
[yabit.alas@ubd.edu.bn](mailto:yabit.alas@ubd.edu.bn)

## Abstrak

Peribahasa adalah mencerminkan senario sebenar pada zamannya. Dengan mendalami peribahasa kita boleh menyoroti pemikiran orang Melayu silam serta kita boleh juga menginsafi betapa indahnya alam waktu itu. Kebanyakan peribahasa berkisar pada alam keliling, bendar-benda alamiah serta tumbuhan atau binatang yang diibaratkan untuk menjadi petunjuk serta pedoman manusia. Manusia moden boleh belajar dari orang zaman tersebut bagaimana mereka memelihara dan menghormati alam sekitar mereka. Pemilihan peribahasa tertentu untuk tujuan pendidikan alam sekitar sangat penting agar murid-murid dapat membandingkan dan mengambil iktibar dari masa silam tersebut.

## Pengenalan

Isu alam sekitar adalah isu sejagat dan perlu ditangani oleh semua manusia di muka bumi ini. Selain dari usaha pemeliharaan dan pemuliharaan, usaha pencegahan perlu dipertingkatkan dari masa ke semasa. Pelbagai cara boleh kita lakukan untuk menyelamatkan bumi ini dari terus dibunuh perlahan-lahan oleh penghuninya, iaitu kita semua sebagai umat manusia. Tugas menyelamatkan bumi ini bukan sahaja tugas ahli sains atau jabatan/pertubuhan alam sekitar tetapi adalah tanggungjawab semua. Setiap bidang, kepakaran atau individu mungkin akan menggunakan cara atau kaedah tersendiri. Ada kaedah yang canggih yang menggunakan teknologi tinggi, pemikiran tinggi atau sebenarnya banyak juga cara kecil-kecilan yang jika dipraktikkan secara synergi dan berterusan akan menghasilkan yang besar. Pokok perbincangan di sini ialah semua penduduk di muka bumi ini perlu mencintai alam di mana dia dilahirkan. Bagaimanapun, ramai dari penduduk muka bumi ini melihat dunia ini sebagai maha luas, tidak perlu dijaga dan tidak akan terjadi kemusnahan akan datang. Kita juga tidak boleh menyalahkan mereka kerana semua ini berkait rapat dengan cara hidup tradisional masing-masing serta pendidikan.

Bagaimanapun, pencemaran serta kemusnahan alam sekitar besar-besaran dilakukan oleh orang yang berpendidikan dan berpengaruh serta mempunyai kuasa ekonomi.

Kilang-kilang serta ladang-ladang besar bukan milik manusia kecil tetapi adalah konglomerat besar yang sememangnya tau tentang alam sekitar. Tetapi kerana keserakahan, isu kemusnahan muka bumi ini mereka anggap bukan isu mereka meskipun yang akan melibatkan anak cucu mereka sendiri pada masa akan datang. Yang penting bagi mereka ialah keuntungan, dan kocek seluar mereka sendiri tebal agar mereka boleh menikmati sendiri dan bukannya untuk anak-anak cucunya pada masa akan datang.

Kertas kerja ini akan membahaskan salah satu cara alternatif untuk menyelamatkan bumi yang kita diami ini, iaitu melalui pengajaran peribahasa. Pengajaran peribahasa sebaiknya melibatkan sorotan kembali cara orang Melayu berfikir. Apa yang dinukilkan dalam peribahasa tersebut sebenarnya adalah pengalaman atau apa yang dilihat masyarakat Melayu tradisional pada zamannya. Interpretasi pandangan tradisional ini sangat penting agar pelajar-pelajar atau murid-murid dapat mengimbu dengan jelas situasi serta senario waktu itu. Dalam erti kata lain, kertas kerja ini cuba menyarankan satu cara yang dianggap mudah dan telah sedia ada. Kita juga mengakui yang pendidikan berperanan penting dalam memberikan kesedaran tentang alam sekitar kepada generasi penerus.

‘Mencegah adalah lebih baik dari mengubati’ itu adalah frasa terkenal dalam bidang perubatan. Frasa tersebut juga diterapkan pada pelbagai disiplin serta perbuatan yang melibatkan sesuatu kegiatan yang boleh mengakibatkan sesuatu yang buruk. Istilah ‘pencegahan’ tidak secara langsung adalah bermakna memberikan pendidikan kepada orang ramai atau generasi penerus.

Pendidikan adalah salah satu cara klasik yang sangat berkesan untuk menyampaikan apa sahaja wadah. Dengan adanya sistem pendidikan bersepadu, pelbagai wadah boleh disalurkan dalam semua mata pelajaran. Pendidikan tidak lagi dilihat sebagai pengajaran sesuatu subjek secara menyendiri. Sesuatu subjek tidak seharusnya berdiri dengan sendirinya melainkan harus menyentuh bidang-bidang lain. Pengajaran bahasa Melayu juga harus dilihat sedemikian rupa agar subjek ini tetap relevan dan menyeronokkan. Pengajaran bahasa Melayu tidak hanya tertumpu pada karangan dan tatabahasa tetapi harus lebih bersifat proaktif, iaitu lebih peka padapada isu-isu semasa.

## **Mentaliti Orang Melayu Tradisional Terhadap Alam Sekitar**

Manusia secara semula jadinya sangat akrab dengan alam. Alam adalah sumber rezeki bagi manusia di muka bumi ini. Tidak hairanlah hampir semua kepercayaan manusia purba di muka bumi ini berkisar pada alam sekitarnya. Mereka menyembah dan hormat pada fenomena semula jadi ini. Hutan dan laut dijaga dengan sedemikian rupa sehingga alam sekitar mereka dijaga seperti rumah mereka sendiri.

Orang Melayu tradisional juga sama seperti tamadun di mana-mana, alam sekitar adalah penting kerana selain dihuni oleh roh-roh ghaib juga merupakan sumber rezeki yang penting. Kepercayaan ini berterusan meskipun orang Melayu menganut agama Hindu/Buddha dan akhirnya Islam. Sebagai contoh, amalan-amalan tradisional ini boleh kita lihat setiap kali orang Melayu ingin memasuki hutan di mana mereka selalunya akan meminta kebenaran dengan memberikan salam dan meminta kebenaran untuk tumpang lalu. Di hutan pula, beberapa etika harus diikuti, umpamanya jangan menebang kayu sembarangan kerana ditakuti berpenunggu. Semua ini mencerminkan bagaimana mereka menghormati hutan kerana bagi mereka sebenarnya mereka bukan bersendirian. Terdapat roh yang melihat gerak geri mereka tetapi roh-roh ini tidak akan mengganggu mereka jika mereka tidak berbuat jahat atau mengganggu hutan berkenaan. Roh-roh ini membuatkan hutan itu sebenarnya hidup kerana manusia biasa tidak melihat roh berkenaan. Roh-roh ini membuatkan hutan itu sebenarnya hidup kerana manusia biasa tidak melihat roh berkenaan. Apa yang mereka hormati atau takuti adalah hutan secara keseluruhannya. Semua ini telah berjaya mewujudkan 'keseimbangan kuasa' sehingga wujud perasaan hormat menghormati antara alam dan manusia.

Dari sudut linguistik, hubungan manusia dengan alam ini selalunya dapat direfleksikan dari bahasa mereka. Pelbagai cara untuk melihat minda orang Melayu ini umpamanya dari lagu, pantun, gurindam serta juga peribahasa. Seperti yang telah dinyatakan, peribahasa dipilih kerana kiasan dan analogi yang digunakan kebanyakannya berunsur alam sekitar.

Alam sekitar yang dimaksudkan di sini ialah peribahasa selalunya berkisar pada benda, perkara serta kejadian di sekeliling mereka.

Pengamatan dari Kamus Perdana Peribahasa yang disusun oleh A. Aida dan Siti Nursakinah, terbitan tahun 2002, tidak kurang dari 105 entri adalah bersifat alam sekitar. Umpamanya, cuba kita soroti pemikiran orang Melayu berdasarkan contoh-contoh peribahasa di bawah tanpa mengambil kira maknanya:

1. Ada air adalah ikan (m.s.2) / Ada air ada ikan (m.s. 7)

Peribahasa di atas seperti dilebih-lebihkan sehingga jika ada air pasti ada ikan. Tetapi peribahasa itu adalah hasil pengamatan dan disebarluaskan. Jika senario ini tidak betul peribahasa tersebut akan hilangkan pengaruhnya dan tidak akan disambung oleh generasi penerusnya. Walaupun agak dilebih-lebihkan tetapi memandangkan keadaan waktu silam tidak ada pencemaran, pasti banyak ikan di mana-mana, termasuk lopak-lopak kecil sekali pun. Itulah mentaliti orang Melayu terhadap ikan yang mudah dicari kerana berada di mana-mana asalkan ada air.

2. Ada batang, cendawan tumbuh

Peribahasa di atas agak mudah dibayangkan terutamanya keadaan waktu itu. Ada batang, cendawan tumbuh yang membayangkan udara yang tidak tercemar sehingga cendawan mudah tumbuh pada mana-mana batang yang sudah tumbang atau ditebang.

3. Ada bukit, ada paya (m.s. 3)

Peribahasa ini membayangkan bagaimana dua elemen semula jadi ini perlu wujud berdekatan kerana paya berperanan sebagai tempat takungan air yang mengalir dari bukit `water catchment area`. Keadaan seperti ini sudah tidak sama lagi sekarang, disebabkan pembangunan bukit-bukit diruntuhkan atau paya-paya berdekatan bukit ditembok untuk pembinaan. Semua ini akan mengakibatkan banjir kerana air akan mengalir dengan kuat dari bukit.

4. Ada hujan, ada panas.

Peribahasa ini boleh dikaitkan dengan 'global warming' sekarang di mana dulunya penggantian panas dan hujan ini terjadi secara teratur.

5. Air jernih ikannya jinak.

Suasana yang tak mungkin wujud lagi di kawasan bandar. Bagaimanapun, di kampung-kampung juga mula kehilangan keadaan seperti ini akibat pembangunan.

6. Seperti aur dengan tabing. / Bagai aur bergantung ke tebing, bagai tebing bergantung ke aur. (m.s. 73) / Bagai aur di atas bukit.

Satu contoh ikatan alam semula jadi klasik yang sangat terkenal tetapi sudah mula dilupakan. Jika aur tumbuh di tebing, pasti tebing itu kukuh dan tidak akan terjadi tanah runtuh yang boleh mengakibatkan sungai menjadi cetek. Juga aur ini berperanan sebagai pemerangkap air agar air tidak mengalir dengan kuat yang boleh merosakkan sungai serta membahayakan. Aur juga menyerap air tersebut sehingga aliran ke muara semakin tidak deras. Demikian juga jika aur tumbuh di atas bukit pasti bukit berkenaan akan menjadi kuat dan tidak mudah mengalami tanah longsor.

7. Dari semak ke belukar (m.s. 54) / Belukar sudah menjadi rimba

Juga membayangkan bagaimana semak akan menjadi hutan. Fenomena alamiah dan dapat diramalkan.

8. Laut mana yang tidak berombak, bumi mana yang tidak ditimpa hujan (m.s. 287).

Kita boleh menyangkal kenyataan ini kerana memang terdapat banyak tempat di muka bumi ini yang kering kontang. Tetapi jika difikirkan kembali, tempat kering kontang ini juga didiami manusia, yang memungkinkan kemungkinan dulunya tempat tersebut seperti di tempat lain. Bagaimanapun, peribahasa ini bermaksud semua muka bumi ini pernah ditimpa hujan, dan bukannya kekerapan hujan pada sesuatu tempat. Tetapi pada masa sekarang terdapat tempat-tempat yang kekerapannya memang betul-betul

kritikal kerana telah mengakibatkan kemusnahan. Semua ini adalah akibat 'pemanasan global' yang hangat diperkatakan sekarang.

### **Pengajaran Peribahasa**

Peribahasa diajarkan dalam subjek bahasa Melayu mulai dari sekolah rendah lagi di Brunei Darussalam. Di Malaysia, peribahasa diajarkan bersamaan subjek kesusasteraan pada tingkatan 4 dan 5. Bermakna topik peribahasa difikirkan sangat penting diajarkan di sekolah. Memang diakui penting kerana peribahasa adalah salah satu khazanah nenek moyang yang perlu dijaga. Selain dari itu, peribahasa adalah merupakan cara berkomunikasi yang sangat halus dan indah yang sepatutnya sering digunakan jika berbicara. Analogi yang digunakan sangat tinggi nilainya serta simbolik yang tersimpul merupakan seni sastera yang unik.

Bagaimanapun, pengajaran peribahasa sangat mencabar kerana banyak peribahasa tersebut adalah diolah oleh nenek moyang kita pada zaman silam. Cabaran yang paling utama ialah perkataan yang digunakan yang merujuk pada sesuatu benda atau perkara yang telah arkaik pada zaman ini. Guru-guru terpaksa menerangkan atau menunjukkan (gambar atau membawa pelajar melihat sendiri) benda-benda yang dimaksudkan. Umpamanya, peribahasa 'seperti aur dengan tebing', kemungkinan lebih separuh dari pelajar terutama di sekolah bandar tidak mengetahui apa 'aur'. Tidak kurang juga peribahasa yang memang tidak relevan dan tidak akan meyakinkan pelajar umpamanya 'bagai hantu makan dedak', Azmi Abdullah (2007) pernah menyarankan agar perkataan beberapa peribahasa ditukar dengan benda-benda yang lebih relevan sekarang yang juga termasuk perkataan yang bersifat teknologi. Semua ini adalah atas dasar pengalaman harian pelajar yang tidak pernah mengalami atau melihat benda-benda yang diperkatakan.

Kefahaman tentang benda atau perkara yang digunakan dalam frasa peribahasa itu sangat penting agar pelajar dapat mengaitkan makna sebenar peribahasa tersebut. Jika tidak peribahasa tersebut akan cuma dihafal dan diluahkan semula dalam peperiksaan tanpa mengetahui apa benda atau makna sebenar peribahasa berkenaan. Jika ini terjadi, pendidikan itu menjadi pendidikan sia-sia dan tidak bermakna kerana pelajar sebenarnya mempelajari ilmu kosong.

Bagaimanapun, semua itu terserahlah kepada pihak perancang kurikulum dan kearifan guru-guru untuk memilih peribahasa yang sesuai diajarkan. Serta terserahlah kepada guru-guru yang berdedikasi untuk lebih kreatif untuk menerangkan kepada pelajar makna benda-benda yang terkandung dalam frasa peribahasa tersebut.

Bercakap tentang pendidikan alam sekitar yang hangat diperdebatkan seluruh dunia sekarang ini, pengajaran peribahasa memang berpotensi boleh dikaitkan dengan alam sekitar ini. Seperti dijelaskan di atas, peribahasa menggunakan analogi serta kiasan sebenar di sekelilingnya. Analogi ini selalunya adalah berupa fenomena semula jadi seperti alam, tumbuh-tumbuhan serta binatang serta kaitan fenomena ini dengan alam di sekitarnya juga. Juga analogi yang digunakan sebenarnya adalah cerminan waktu itu. Sebab itu bahagian awal kertas kerja ini membicarakan pemikiran orang Melayu tradisional yang dicerminkan dalam peribahasa tersebut. Peribahasa itu adalah mata orang Melayu tradisional yang masih tertinggal sehingga sekarang dan diturunkan kepada generasi kita.

Membincangkan penglihatan atau cerminan nenek moyang kita waktu itu boleh menyedarkan generasi sekarang betapa dunia telah jauh berubah. Ada perubahan yang berakibat baik tetapi tidak kurang juga perubahan yang berakibat buruk. Fenomena alam sekitar umpamanya selalu berakhir dengan keburukan.

Setelah mengetahui cara mereka berfikir, langkah berikutnya ialah membandingkan pemikiran serta fenomena waktu itu dengan sekarang. Seperti yang dinyatakan di atas, perbandingan ini penting agar generasi sekarang boleh mengira, menimbang serta berfikir tentang kemusnahan yang terjadi. Semua ini akan menjadi bahan pemikiran dan pertimbangan yang boleh mendorong pelajar untuk berfikir dengan lebih mendalam. Jika guru-guru lebih proaktif, projek seterusnya boleh dijadikan sebagai 'Problem Based Learning' (PBL) yang berupaya merangsang pelajar untuk lebih berfikir dan sekali gus mengukur apa yang terjadi yang pasti akibatnya ialah kesedaran yang mendalam.

Selain itu, perlu disusun sebuah buku yang mengandungi peribahasa yang berunsur alam sekitar. Usaha ini perlu bukan semata-mata untuk melihat permintaan yang ada sekarang kerana perbincangan alam sekitar begitu hangat, tetapi adalah sebagai reaksi

kita terhadap kesedaran yang mendalam terhadap kesedaran yang mendalam terhadap alam sekitar. Komitmen ini perlu kerana usaha ini pasti akan dicontohi oleh disiplin-disiplin lain. Semua ini adalah atas nama usaha kita untuk sama-sama menyelamatkan dunia kita ini. Sekian.